



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

28 JUN 2023

### PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor di **Daerah Kuala Pilah** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam gred/kelas dan kategori/pengkhususan/jenis pendaftaran/kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebut harga kerja yang berikut:

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	GRED/ KATEGORI/ OD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDKP. 19/2023	PENYELENGGARAAN CERUN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI MPKK MALAN	G1 CE01, CE08 & CE21	RM 50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Taklimat sebut harga adalah diwajibkan  Tarikh : 5 Julai 2023 (Rabu) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah Masa Pendaftaran : 9.00 pagi - 10.00 pagi  <u>Kontraktor akan dibekalkan maklumat berkaitan projek di laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah</u> ( <a href="http://pilah@ns.gov.my">http://pilah@ns.gov.my</a> )	<u>Tarikh :</u> 5 JULAI 2023 (Rabu) hingga 12 JULAI 2023 (Rabu)  <u>Tempat :</u> Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah, Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.  <u>Masa :</u> Jam 9.00 pagi - 1.00 tengah hari (waktu pejabat sahaja)	<u>12 JULAI 2023 (Rabu)</u>  Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari  di  Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan

1. Untuk maksud ini kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga tersebut hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **DOKUMEN ASAL** item yang berikut semasa pendaftaran taklimat dan membeli borang sebut harga :-
  - i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
  - iii. Surat Kelulusan Berdaftar Nombor Kod Majikan PERKESO
  - iv. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
  - v. Sijil/Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)
  - vi. Kad Pengenalan
2. Hanya **syarikat** yang menghadiri taklimat dan berdaftar dalam **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)** yang boleh memperolehi borang sebut harga.
3. Pematuhan terhadap SOP Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan pembendungan penularan wabak Covid-19 adalah wajib dipraktikkan semasa urusan pembelian borang sebut harga seperti penggunaan *hand sanitizer*, topeng muka dan penjarakan sosial. Kontraktor perlu berdaftar di kaunter pengawal terlebih dahulu dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan.
4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No. Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
5. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
6. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebut harga tuan akan terjejas.
7. Keputusan sebut harga adalah **muktamad**.
8. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian **06-4850432** pada waktu pejabat dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.



**(MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP)**

Pegawai Daerah,

Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah.